

13 JAN 1996

Mahathir - KLIA

PROJEK KLIA JIMAT KOS KERANA GUNA ANAK TEMPATAN: PM

SEPANG, 13 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini kerajaan dapat menjimatkan kos pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang disebabkan pengurusan projek itu dilaksanakan oleh rakyat tempatan.

Tanpa menyebut jumlah dapat dijimatkan itu, katanya kerajaan pada mulanya bercadang mengambil konsortium asing usahasama syarikat British dan Jepun untuk mengurus projek itu tetapi membatalkan hasrat itu sejak kerajaan menghadapi masalah dalam pelaksanaan projek hidroelektrik di Pergau, Kelantan yang diuruskan oleh syarikat asing.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas melawat tapak projek KLIA yang berharga lebih RM6,000 juta itu, katanya walaupun pihak pengurusan menghadapi sedikit masalah dalam pembinaan KLIA namun semua masalah itu dapat diatasi.

Menurut Perdana Menteri antara masalah dihadapi ialah bekalan simen, pekerja dan bahan buatan.

"Bagaimanapun masalah itu dapat diatasi dan saya yakin projek KLIA ini dapat siap dalam tempoh yang ditetapkan," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir mendengar taklimat mengenai projek itu yang disampaikan oleh Pengerusi KLIA Tan Sri Clifford Herbert.

Projek yang dibina atas kawasan seluas 10,000 hektar itu dijangka siap awal tahun 1998.

Perdana Menteri juga berkata dia merasa bangga dengan keupayaan rakyat tempatan dalam mengurus dan melaksanakan projek gergasi seperti KLIA kerana ini membuktikan kebolehan anak tempatan.

"Dengan keupayaan rakyat tempatan melaksanakan projek sebesar ini kita tidak perlu lagi mencari orang luar untuk menguruskan projek yang besar di negara ini," katanya.

Katanya dalam mengatasi kekurangan pekerja dalam projek itu, lebih ramai pekerja asing dibawa masuk untuk melaksanakannya

Mengenai Mara, katanya kewangan Mara perlu diaudit bagi menentukan ke mana dan untuk apa ia dibelanjakan.

"Dulu Mara mempunyai banyak wang dan tak sepatutnya berlaku keadaan yang mana Mara tak punyai cukup wang untuk dibelanjakan," kata Dr Mahathir.

Menurut beliau Mara telah membelanjakan wang dengan cepat sehingga ianya kehabisan wang.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas pengumuman Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam yang mengatakan bahawa kewangan Mara perlu diaudit.

Semasa melawat tapak KLIA, beliau juga telah merasmikan Hospital Lapangan Terbang itu. -- Bernama